

13/05/2000

Pengaruh Anwar berkubur

KUALA LUMPUR, Jumaat - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata pengaruh Anwar Ibrahim dalam parti sudah tidak ada lagi.

"Bagi saya ia sudah tidak relevan kerana dia (Anwar) bukan lagi anggota Umno dan Umno sudah ada pemimpinnya sendiri iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden kita," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Beliau berkata demikian bila ditanya pendapatnya sama ada pengaruh Anwar, yang disingkir daripada Umno pada September 1998, masih kuat dalam Umno.

Muhammad yang mendapat tempat kedua tertinggi dalam pertandingan jawatan naib presiden semalam dengan 853 undi, berkata beliau tidak nampak apa-apa tanda keputusan pemilihan di mana-mana peringkat dipengaruhi isu-isu berkaitan Anwar.

"Mungkin secara kebetulan perwakilan memilih tokoh-tokoh ini. Saya tak percaya pemilihan semalam kerana ada pengaruh luar," katanya.

Ditanya adakah keputusan pemilihan naib presiden yang kebetulan sama dengan "Kumpulan Wawasan" pada pemilihan parti 1993 yang dikaitkan dengan Anwar, Muhammad berkata: "Saya percaya pasukan ini adalah team abad ke-21 dan bukan kumpulan wawasan yang dulu, pasukan ini hendak bawa negara ke tahap lebih tinggi terutamanya kepada orang Melayu."

Muhammad berkata pemilihan beliau, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin satu kebetulan dan ia menunjukkan perwakilan mahu melihat Umno menyelesaikan masalah yang melanda parti termasuk pada peringkat akar umbi.

Beliau percaya tokoh-tokoh yang dipilih pada peringkat tertinggi semalam mampu duduk dan membincangkan mengenai persoalan baru serta mencari jalan yang sesuai untuk digunakan dalam perjuangan Umno akan datang.

Muhammad juga bersetuju dengan soalan bahawa pemimpin tertinggi parti yang dipilih semalam menunjukkan bahawa perwakilan mahu menonjolkan cita rasa mereka dengan mengetengahkan tokoh-tokoh yang terdiri daripada campuran pemimpin-pemimpin, agar pandangan mereka didengar.

"Ini adalah demokrasi yang perwakilan tentukan supaya mereka yang dipilih menjalankan kerja demi perjuangan parti, bangsa dan negara," katanya.

Ditanya mengenai sistem pencalonan yang tidak mencerminkan sepenuhnya kehendak bahagian-bahagian ketika proses pencalonan dilakukan, Muhammad berkata: "This is the beauty of Umno".

(END)